

Media Australia lebih penting laba

KUALA LUMPUR, Khamis — Media massa Australia sengaja mencipta laporan palsu mengenai negara ini untuk menghiburkan pembaca serta memperoleh keuntungan tanpa mepedulikan kesan terhadap pembongkaran mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata kerajaan Malaysia mungkin melakukan beberapa kesilapan, tetapi media massa negara ini tidak dihalang melaporkan perkara yang salah dan benar.

"Bagaimanapun, jika media massa ingin menumpukan kepada perkara yang salah sahaja, mereka juga boleh berbuat demikian asalkan ia adalah berdasarkan fakta. Tetapi apabila



media massa mencapai tahap mencipta laporan buruk mengenai orang lain, saya rasa ia sudah melanggar had kebebasan akhbar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kedua Menteri Penerangan Asean di sini, hari ini.

Semua Menteri Asean yang bertanggungjawab mengenai penerangan, termasuk Datuk Mohamed Rahmat hadir, kecuali Filipina yang diwakili oleh dutanya di sini, Encik Rodolfo Severino Jr. Turut hadir ialah Setiausaha Agung Asean, Encik Rusli Noor.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Malaysia terpaksa membezakan di antara kebebasan akhbar dan kebebasan untuk berbohong serta meneruskan pembongkaran melalui media massa.

Ditanya sama ada beliau tidak puas hati dengan penjelasan Menteri Luar Australia, Senator Gareth Evans, dalam pertemuan mereka baru-baru ini, Datuk

Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan menghormati kedudukan kerajaan Australia yang tidak boleh mengawal media massa di negara itu.

"Tetapi jika Kerajaan Australia tidak boleh mengawal media massa mereka, sekurang-kurangnya iapatut mengasingkan diri daripada 'mereka,'" katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan menyediakan garis panduan kebebasan akhbar kepada media massa di negara ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perkara itu tidak diperlukan kerana kerajaan hanya perlu menjelaskan pendiriannya berhubung kebebasan untuk berbohong, khususnya dalam negara berbilang kaum.